

## PANDUAN SEMASA MEMBICARAKAN TENTANG PARA SAHABAT R.A

Semasa memperkatakan berkenaan sahabat, kita mesti memberikan perhatian kepada beberapa ketetapan yang telah disepakati oleh para cendekiawan Islam dan ianya berfungsi sebagai pedoman agar kita tidak tersesat semasa membicarakan tentang jenerasi awal Islam yang terpilih.

- 1- Para fuqaha', ahli-ahli usul dan para huffaz sepakat mengatakan; hadis yang *dha'if* menjadi hujjah berkaitan manaqib (kelebihan seseorang) sepertimana ia menjadi hujah dalam perkara yang berkaitan *fadhailula'mal*. Namun ia tidak berguna untuk mentajirih mana-mana individu tidak sebagaimana hadis-hadis sahih yang ada otoriti untuk tujuan itu.
- 2- Semua sahabat adalah 'adil berdasarkan kenyataan Allah s.w.t dan rasulnya begitu juga berdasarkan kenyataan-kenyataan para ulamak Islam. Setiap perkara yang berbangkit yang boleh memburukkan peribadi para sahabat, jika ianya tidak melalui jalan cerita yang sahih – inilah kebanyakannya- maka cerita itu wajib ditolak. Namun jika cerita berkenaan terbukti benar melalui jalan yang sahih – ini amat jarang berlaku- maka wajib dita'wil kepada kemungkinan yang baik agar sesuai dengan darjah keadilan para sahabat radhm.

Ini merupakan kaedah yang telah ditetapkan oleh para ulamak pentahqiq yang wajib dijadikan panduan asas oleh setiap pengkaji apabila mereka berhadapan dengan permasalahan yang berkaitan para sahabat Rasulullah s.a.w. Pengkaji sejarah mesti meletakkan panduan ini sebagai kayu pengukur setiap cerita berkaitan sahabat agar mereka tidak tersesat dan tertipu dan terjatuh dalam perangkap musuh-musuh Islam sehingga mejejaskan maruah generasi terpilih umat ini yang akan menyebabkan mereka mendapat murka Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w.

- 3- Para *pentahqiq* dari kalangan ulamak **Jarh dan Ta'dil** pula menetapkan; mana-mana individu yang telah sabit *imamah* dan 'adalah pada mereka dan ramai pula ulamak yang memuji dan menyanjung mereka dan dalam masa yang sama amat jarang ulamak yang menyebut hal-hal yang tidak baik kepada mereka maka itu semua menjadi tanda yang jelas bahawa sebab serangan terhadap peribadi mereka adalah kerana faktor fanatik mazhab atau faktor lain yang tidak jelas. Justeru, kita tidak akan layan sebarang bentuk momokan terhadap mereka dan kita akan menganggap mereka sebagai orang yang 'adil.
- 4- Para sahabat r.ahm tidak *ma'sum* dari dosa kerana 'ismah (Terpelihara dari dosa) hanya khusus untuk para Nabi a.s. Kita tidak nafikan mereka ada melakukan dosa hatta keperingkat dosa besar sebagaimana yang terdapat dalam beberapa hadis yang sahih. Namun kita juga dapati melalui hadis sahih, jika mereka melakukan kesalahan akan ada kenyataan sahabat terbabit segera bertaubat dan menjauhkan diri dari penyebab mereka terjerumus dalam kesalahan itu. Bahkan lebih dari itu mereka mempamerkan tahap iman yang tinggi dengan menyerahkan diri kepada Rasulullah untuk dilakukan hukum had keatas mereka. Dalam masa yang sama mereka akan sentiasa memuhasabah dan membisikan dalam diri mereka keluhan-keluhan kekesalan akan kesalahan yang mereka lakukan dan mereka akan meningkatkan kualiti dan kuantiti ibadat

mereka sehingga kesalahan mereka itu bagaikan penyebab kenaikan darjat disisi Allah s.w.t. Jelas di sini kesalahan dosa yang dilakukan mereka tidaklah menjejaskan kedudukan 'adalah yang telah sabit bagi mereka bahkan menjadi punca kenaikan darjat mereka.

**Ibnu Taimiyyah** berkata: *Kita bersaksi bahawa mana-mana sahabat apabila mereka melakukan kesalahan maka Allah s.w.t tidak akan meng'azab mereka kerana kesalahan itu pada hari akhirat sebaliknya Allah s.w.t akan memasukkan mereka kedalam syurga. Siksaan hari akhirat dihapuskan untuk mereka samada dengan sebab taubat mereka atau dengan sebab sekian banyak kebajikan-kebajikan yang dilakukan oleh mereka atau dengan sebab amalan-amalan mukaffirah (Amalan yang ada potensi menjadi penghapus dosa seperti yang diceritakan oleh Nabi saw) atau dengan sebab doa Nabi saw kepada mereka semasa hayat dan selepas wafat Baginda saw dan juga kerana doa kebaikan oleh kaum muslimin kepada Allah s.w.t untuk mereka yang dilakukan dan yang akan dilakukan sehingga hari kiamat<sup>1</sup>. Pandangan Ibnu Taimiyyah ini sama dengan pandangan Ibnu Hazam.*

- 5- Setiap orang Islam diajar agar menahan penglihatan mereka terhadap keaiban orang Islam yang lain, memberikan kemaafan terhadap kesalahan mereka dan bersangka baik terhadap mereka. Haram kepada orang Islam mengintai-ngintai kesalahan orang lain dan mencari keaibannya dan menyebutkan perkara yang boleh merosakan nama baik mereka dan menyebabkan mereka dipandang rendah. Walaupun perkara yang disebutkan itu memang benar ada pada mereka. Jika beginilah disiplin dan budaya hidup yang telah ditetapkan oleh Islam terhadap umat Islam maka bagaimana pula dengan para sahabat Nabi saw. Walhal Allah s.w.t ada berfirman dalam sebuah hadis qudsi:

مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ (رواه البخاري)

Bermaksud: *Sesiapa yang memusuhi wali Ku maka Aku mengisytiharkan perang terhadapnya.*

- 6- Kebanyakan cerita yang boleh mencederakan 'adalah para sahabat yang ianya sabit berdasarkan hadis sahih, maka itu semua dilakukan berdasarkan ta'wilan dan ijtihad mereka dan mereka akan diberikan pahala kerana usaha itu.
- 7- **Ibnu Taimiyyah** berkata: *"Kebanyakan cerita keaiban dan kecacatan tentang sahabat adalah dusta. Samada dusta keseluruhannya atau sebahagiannya telah berlaku tokok tambah oleh pendusta-pendusta yang tersohor seperti Luth bin Yahya (Abu Mikhnaf ), Hisyam bin Muhammad bin as-Saaib al-Alkalbi<sup>2</sup> dan orang-orang lain yang juga pendusta seperti mereka. Al-Kalbi adalah yang paling pendusta dan beliau adalah seorang syi'ah. Beliau telah*

<sup>1</sup> Terjemahan dari kitab Minhajussunah dengan ada pindaan, jls:3, m/s:179.

<sup>2</sup> Hisyam menulis kitab yang memuatkan tentang keaiban para sahabat dan Abi Mikhnaf menulis kitab tentang perang Siffin.

meriwayatkan cerita-cerita bohong tentang sahabat, yang diambil daripada ayahnya dan daripada Abi Mikhnaf dan kedua-duanya adalah orang yang ditinggalkan perwayatannya kerana sifat bohong yang ada pada mereka. Usaha jahat ini dilakukan bertujuan menjatuhkan imej para sahabat radhm.

Kalangan ulamak **jarh** dan **ta'dil** telah mempertegaskan tentang peribadi al-Akalbi sebagai seorang pendusta dan gugur kelayakannya sebagai perawi<sup>3</sup>. Demikian juga keadaan Abu Mikhnaf yang menjadi perhatian para ulamak jarh dan ta'dil. Ibnu Kathir berkata: "Abu Mikhnaf adalah seorang syi'ah, seorang yang lemah hadis mengikut pandangan ummat<sup>4</sup>, **muttaham** (tertuduh sebagai pendusta) dalam periwatan khususnya berkenaan tasyayyu' (Kecenderungan menegakkan fahaman syi'ahnya)<sup>5</sup>. Hafiz Zahabi berkata: "Abu Mikhnaf seorang panglipurlara yang telah rosak, tidak boleh dipercayai, Abu Hatim dan orang lain meninggalkan riwayatnya<sup>6</sup>, Fatanni menyebutkan Luth bin Yahya sebagai pendusta besar<sup>7</sup>, Ibnu 'Iraq menyebutkan Luth bin Yahya iaitu Abu Mikhnaf sebagai penipu besar yang telah rosak"<sup>8</sup>.

- 8- Mengikut para ulamak, antara tanda sesebuah hadis itu *maudhu'* adalah ianya bercanggah dengan nas-nas yang sahih atau bercanggah dengan qaedah-qaedah yang telah ditetapkan oleh para ulamak yang dii'tiraf dan percanggahan itu tidak boleh dijamakkan (Dikompromikan). Juga termasuk dalam tanda *maudhu'*, apabila perawi sesebuah hadis adalah syi'ah rafidhah dan isi kandungannya menyebutkan *manaqib ahlulbait* atau menyebutkan tentang keaiban orang yang memerangi mereka.
- 9- Mana-mana ahli sejarah tidak akan beriltizam sahih kesemua yang dinukilkan atau yang diriwayatkannya. Bahkan tidak akan ada mana-mana ahli sejarah yang akan berani bertegas bahawa hasil karya mereka sebagai hakikat sejarah yang bersih dari sebarang kecacatan dan kesalahan.

<sup>3</sup> Minhajussunah, jld:3, m/s: 179.

<sup>4</sup> Al-Bidayah Wannihayah, jld:8, m/s: 202.

<sup>5</sup> Al-Bidayah Wannihayah, jld:8, m/s: 274.

<sup>6</sup> Ulasan Muhibuddin al-Khatib terhadap kitab al-'Awasim min al-Qawasim, m/s: 63.

<sup>7</sup> Qanun al-Almaudhu'at, m/s: 286.

<sup>8</sup> Tanzih al-Syari'ah, jld: 1, m/s: 98.